

# Israel: Malaysia belum puas hati

BM 14 XMG 1994

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir mahu Palestin diberi layanan sebagai kerajaan, manakala pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Yasser Arafat diiktiraf sebagai ketua kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak berpuas hati dengan layanan Israel terhadap Palestin dan Arafat. Oleh itu, kerajaan belum mengambil usaha ke arah mengiktiraf Israel.

"Kita masih lagi mengkaji (untuk mengiktiraf Israel) kerana kita belum begitu puas hati dengan layanan terhadap kerajaan Palestin dan Arafat. Kita berpendapat Arafat mesti diberi layanan sebagai ketua kerajaan di mana-mana juga.

"Bagaimanapun, kita dapati Israel masih ingin menguasai keadaan dalam kawasan yang diserahkan kepada Arafat," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan kereta yang menyertai perlumbaan Rali Malaysia 1994 di Tasik Perdana, di sini semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai pendirian Malaysia berhubung tindakan 20 negara menjalin atau memulihkan hubungan diplomatik dengan Israel sejak negara Yahudi itu menandatangani perjanjian autonomi dengan PLO di Washington, September.

Laporan dari Baitulmaqdis kelmarin menye-

but, sembilan daripada negara berkenaan tidak mempunyai hubungan rasmi dengan Israel sebelum itu manakala bakinya pernah mempunyai hubungan, tetapi memutuskannya terutama selepas perang Timur Tengah pada 1967 dan 1973.

Perdana Menteri berharap Israel membuat perubahan dasarnya segera, dengan memberi layanan wajar kepada Palestin dan Arafat.

Ketika ini Israel menjalin hubungan diplomatik dengan 146 negara. Sebanyak 43 negara, kebanyakannya negara Arab dan Islam tidak mempunyai hubungan dengan negara Yahudi itu.

Minggu lalu, Dr Mahathir berkata, Malaysia sedia menjalin hubungan diplomatik dengan Israel dengan syarat rejim Tel Aviv itu bersungguh-sungguh menunjukkan keikhlasan ke arah perdamaian serta tidak menghina rakyat Palestin seperti sekarang.

Ini disebabkan Malaysia tidak mempunyai pendirian yang begitu tegas sehingga tidak mengambil kira segala keputusan pihak lain termasuk beberapa negara Arab yang sudah mengadakan perjanjian damai dengan Israel.

Sementara itu, Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, berkata Malaysia mengam-

# Israel: Negara belum puas hati

DARI MUKA 1

bil sikap tunggu dan lihat terhadap pendirian Israel berhubung proses perdamaian di Asia Barat sebelum membuat sebarang keputusan untuk mengadakan hubungan diplomatik.

Menurutnya, kalau Israel menunjukkan sikap jujur dan ikhlas untuk berbaik-baik dengan pihak yang bersengketa dengan mereka, Malaysia akan menimbang untuk mewujudkan hubungan diplomatik.

"Sebenarnya hubungan diplomatik itu tertakluk kepada budi bicara dan tindak tanduk Israel sendiri. Kita tidak perlu mengambil tindakan terburu-buru.

"Terlalu awal untuk mewujudkan hubungan dengan rejim Tel-Aviv itu. Kita perlu melihat pendirian Israel dan penyelesaian masalahnya dengan PLO dan negara Timur Tengah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat olok-olok Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Kompleks Budaya Negara di sini.

Beliau menyambut baik kenyataan Amerika Syarikat semalam bahawa ia mungkin meminta PBB menghapuskan sekatan senjata terhadap Bosnia jika pengganas Serb Bosnia tidak menerima rancangan damai akhir Oktober ini.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau berkata struktur PBB perlu dikaji semula terutamanya perkara yang menyentuh proses membuat keputusan bagi mencerminkan keadaan dunia semasa.

LIHAT MUKA 2